

18/01/1999

Era baru dalam politik Dr M

Hashim Hussin Yaacob

APABILA Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menyenaraikan namanya di mana-mana kementerian, ia tidak bermakna beliau akan duduk di belakang dalam kancah politik dan pentadbiran nasional. Era Dr Mahathir belum berakhir.

Sudah tentu beliau tidak mahu lihat legasinya tercemar oleh gerakan reformasi dan tujuh orang peguam yang meneruskan 'teori konspirasi' mereka.

Barisan yang diketengahkan adalah untuk menghadapi pilihan raya umum yang perlu diadakan dalam masa 14 bulan. Beliau merapatkan golongan proreformasi dengan antireformasi. Cuma seorang muka baru yang diketengahkan dengan harapan dapat menolong menawan Pas di Kelantan tetapi tugasnya terletak di Wilayah Persekutuan.

Tidak sia-sialah sokongan padu Senator Datuk Ibrahim Ali selama ini. Tahniah kepada Ahli Majlis Tertinggi dilantik yang mendapat No 26 pada pemilihan MT 1996.

Kesabaran dan kesetiaan Datuk Tajol Rosli dari Grik Perak terjawab sudah. Sebagai orang lama yang sungguh kuat bekerja dan kurang bercakap beliau sememangnya patut dinaikkan pangkat.

Ini menambahkan bilangan menteri Umno dari Perak kepada tiga. Sudah pasti jika ada orang Perak yang bercita-cita untuk memegang kerusi Naib Presiden, ia akan menyulitkan.

Ucapan Datuk Seri Zaharah pada mesyuarat agung khas tidak meleset. Beliau mendapat hadiah besar. Inilah berkat bersabar dan tidak gelojoh. Yang berkecil hati tentunya bekas pemimpin Pemuda Umno dan barisannya. Suatu pengajaran besar. Inilah hebatnya cara Dr Mahathir memberi didikan kepada anak buahnya.

Tetapi apa yang mengejutkan dan paling tidak disangka ialah pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM). Tiada siapa yang meramalkan ia akan diumumkan sebegini cepat. Sungguhpun jawatan ini kosong sejak September, ramai menduga beliau akan menunggu pemilihan pucuk pimpinan Umno pada Jun 1999.

Dua matlamat besar adalah motif Perdana Menteri. Satu diketahui umum iaitu menumpu perhatian kepada pilihan raya umum yang mesti diadakan sebelum April 2000.

Satu lagi hanya tersirat. Inilah yang menguntungkan TPM baru. Ia membolehkan Pak Lah mengatur strategi pilihan raya dengan baik di samping membuktikan kepada Umno ketokohan beliau sebagai pengganti PM dan jawatan Timbalan Presiden.

PM bukan saja memilih penggantinya tetapi memberi peluang untuk beliau meyakinkan prestasinya. Dalam masa dua tahun sudah pasti Pak Lah boleh berusaha mengukuhkan kedudukan beliau. Di samping itu beliau memberi tugas yang paling penting dan ditakuti kepada Pak Lah iaitu Menteri Dalam Negeri. Inilah Kementerian yang mana menterinya boleh meluluskan tahanan di bawah ISA. Beliau begitu yakin dengan Pak Lah hingga beliau percaya untuk memberi tanggungjawab yang paling ditakuti.

Sedikit demi sedikit pembaharuan berlaku dalam penghujung era Mahathir. Dengan memilih Pak Lah beliau ingin melihat rejim yang bersih dan telus. Sejak September lagi beliau mulai membersihkan barisannya daripada rasuah dan perlakuan tidak bermoral.

Pada masa yang sama beliau membuat tindakan radikal terhadap pengurusan ekonomi. Beliau menguburkan kepercayaan mutlak fahaman market

fundamentalis.

Ekonomi kita yang sangat terbuka mulai dikawal dengan rapi agar kebocoran dapat ditutup. Ekonomi pasaran bebas sudah berakhir. Sedang bermula sekarang ialah 'kapitalisme terkawal' atau organised capitalism.

Memberi peranan besar kepada Datuk Mustapa Mohamed memang kena pada tempatnya. Beliau adalah teknokrat tulen yang faham selok-belok ekonomi moden.

Sebagai seorang ahli ekonomi yang berjaya, beliau mampu mengemudikan ekonomi. Inilah antara aset yang boleh menolong Pak Lah. Kita tentu tidak mahu kembali kepada zaman ekonomi pasaran 'kain sarung', yang semuanya terbuka. Kita patut tumpu kepada pemilihan baru dalam ekonomi; pilihan di tengah-tengah market fundamentalis dengan central planning. Ada yang menyebutnya sebagai jalan ketiga.

Pembaharuan yang sedang dibawa Dr Mahathir tidak akan berakhir di sini. Kemuncak adalah pilihan raya dan pemilihan parti. Beliau amat serius dengan tugas ini. Sesiapa yang memegang teraju akan merasakan beliau tidak dapat memenuhi hasrat ini patut ikut langkah Ketua Polis Negara yang dibuat beberapa hari sebelum rombakan kabinet.

Pembersihan sedang bermula. Kekuatan moral dan akhlak sedang kembali dalam arus politik Malaysia.

Pemilihan Pak Lah adalah mesej baru di samping satu amaran kepada ahli politik, ekonomi dan pentadbir/pengurus.

Apabila Perdana Menteri turun padang, rakyat mesti mengambil kesempatan melaporkan perkembangan terbaru. Perdana Menteri sedang merintis era baru dalam politik. Pelaksana yang utama dan pertama ialah Pak Lah.